

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan : -

(a) adakah Kerajaan berniat untuk mempertimbangkan peringanan kuantitatif (*quantitative easing*) sebagai satu pilihan; dan

(b) adakah Bank Negara Malaysia (BNM) akan menjalankan kajian kebolehlaksanaan dan melaporkan kepada Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, Kadar Dasar Semalaman, atau dengan izin *Overnight Policy Rate*, berada pada paras terendah dalam sejarah, iaitu 1.75 peratus. Oleh itu, ruang dasar monetari masih kekal mencukupi untuk memberikan sokongan tambahan kepada ekonomi sekiranya diperlukan. Keadaan ini dilengkapi dengan ketersediaan pelbagai instrumen pengurusan mudah tunai bank, dasar kewangan yang bersasar dan fleksibiliti pengawalseliaan. Dasar-dasar ini turut memberikan fleksibiliti yang mencukupi kepada bank untuk bertindak balas terhadap risiko dengan menggunakan instrumen dasar yang paling sesuai.

2. Selain itu, penyelarasan dengan dasar-dasar ekonomi makro lain, seperti dasar fiskal dan dasar pasaran pekerja, akan meningkatkan lagi peluang bagi mencapai pemulihan ekonomi yang mampan, dan pada masa yang sama menghindarkan bebanan yang berlebihan terhadap mana-mana instrumen dasar.

3. Hal ini dapat mengurangkan keperluan Bank Negara Malaysia (atau BNM) untuk melaksanakan dasar monetari bukan konvensional, yang memerlukan penilaian lebih lanjut mengenai kesesuaian, keberkesanan dan kesan jangka masa panjang terhadap ekonomi.

4. Buat masa ini, BNM akan mengkaji dahulu sebaik mungkin mana-mana dasar yang belum diuji, yang mungkin mempunyai kesan besar yang tidak diingini terhadap kesejahteraan ekonomi dan rakyat dalam jangka masa panjang. Selain itu, Kerajaan melalui BNM terus komited untuk menggunakan instrumen-instrumen dasar yang bersesuaian bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menyokong pemulihan ekonomi secara berterusan.

Sekian, terima kasih.